

Kelantan hargai ketegasan PM teruskan ECRL

Kota Bharu: Ketegasan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad untuk meneruskan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) akan memberi impak besar dalam pelbagai sektor kepada Kelantan, kata Timbalan Menteri Besar, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah.

Mohd Amar berkata, Kelantan menghargai usaha dan pendirian Kerajaan Persekutuan yang memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan projek itu.

“ECRL adalah projek kerajaan, jika mereka setuju meneruskannya, kita berbesar hati, menerima dan sokong.

“Pada pandangan kita ada potensi ekonomi yang baik daripada projek itu kerana ia akan memberi kesan limpahan kepada kawasan berhampiran terutama di stesen yang akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan

kawasan penempatan baharu,” katanya di sini, semalam.

Dr Mahathir sebelum ini menegaskan projek ECRL tetap diteruskan buat masa ini di sebalik dakwaan kononnya projek itu dibangunkan dengan hasrat menyelamatkan syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

“ECRL adalah projek kerajaan, jika mereka setuju meneruskannya, kita berbesar hati, menerima dan sokong.

*Mohd Amar Nik Abdullah,
Timbalan Menteri Besar
Kelantan*

Mohd Amar berkata, memang ada pelbagai pandangan yang diutarakan berhubung projek ECRL namun kerajaan negeri menyifatkan ia sebagai perkara biasa.

“Hakikatnya, kita akan mendapat banyak manfaat jika projek itu diteruskan,” katanya.

Dalam pada itu mengulas berhubung Belanjawan 2020, beliau mengharapkan kerajaan dapat meneruskan semua projek yang dicadangkan kerajaan Persekutuan kepada negeri ini terutama lima projek besar yang diumumkan Menteri Hal Ehwal Ekonomi Datuk Seri Mohamed Azmin Ali sebelum ini.

Katanya, jika projek itu berjalan seperti yang dirancang, ia akan memberi kesan ekonomi yang besar kepada Kelantan.



Projek ECRL mampu memberi kesan limpahan ekonomi kepada kawasan berhampiran

BERNAMA